



PENGENALAN KEPADA UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM

LATARBELAKANG

1. Usul untuk menubuhkan Unit Integriti ini telah pun sebenarnya bermula sejak dari tahun 2008 lagi. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) pada pada 18 Ogos 2008 telah memutuskan supaya pegawai kanan BPR (pada masa itu) ditempatkan sebagai Ketua Pegawai Integriti secara kader di Kementerian dan Jabatan yang berisiko tinggi rasuah.
2. Lanjutan daripada ini, SPRM telah membangunkan program Pegawai Integriti Bertauliah atau Certified Integrity Officer (CeIO) yang berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti di sektor awam dan juga sektor swasta.
3. Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan (JKKMKPK) pada 30 Mac 2010 telah memutuskan supaya pelaksanaan program latihan CeIO ini diperluaskan. Berikutan perkembangan ini, Mesyuarat JKKMKPK pada 19 Ogos 2010 telah memutuskan supaya entiti pematuhan ditubuhkan di semua kementerian dan jabatan Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri.
4. Ini diikuti pula oleh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) pada 16 April 2012 yang bersetuju supaya diwujudkan 3 model Unit Integriti berbeza mengikut tahap risiko kementerian dan jabatan Kerajaan.
5. Mesyuarat JKTT pada 6 Jun 2013 telah bersetuju mewujudkan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi di SPRM. Berikutnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 telah diterbitkan berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri.

OBJEKTIF

6. Objektif penubuhan Unit Integriti Agensi adalah untuk menyepadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus bertujuan ianya dapat dilaksanakan dengan secara yang lebih fokus dan terancang supaya elemen penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisen dan mencapai keberhasilan yang optimum.

JUSTIFIKASI PENUBUHAN

7. Memerangi rasuah dan menegakkan integriti bukanlah satu tanggungjawab eksklusif SPRM kerana seluruh warga perkhidmatan awam turut sama bertanggungjawab terhadap pematuhan undang-undang, polisi, dan prosedur Kerajaan. Justeru itu, penubuhan Unit Integriti ini adalah satu pendekatan baru dan perubahan strategi ke arah memantapkan penginstitusian integriti dan anti-rasuah di kalangan anggota perkhidmatan awam di mana setiap satu agensi awam itu adalah sebagai “owner” kepada inisiatif ini.
8. Dalam merangka struktur dan fungsi Unit Integriti ini, pihak SPRM bersama-sama dengan pihak JPA dan PDRM telah menjalankan kajian penandarasan pada tahun 2012 di Taiwan dan Amerika Syarikat di mana amalan terbaik yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di negara berkenaan telah diteliti dan diadaptasi mengikut kesesuaian ke dalam model Unit Integriti. Sememangnya, peranan Unit Integriti telah lama diamalkan di negara-negara maju. Kajian penandarasan yang dilaksanakan itu mendapati entiti sedemikian berjaya mengawal masalah pelanggaran integriti di kalangan badan penguatkuasa selain daripada meningkatkan kutipan hasil Kerajaan dan memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan dibuat tanpa ketirisan (*wastages and leakages*).

FUNGSI

9. Unit Integriti ini akan melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:
 - 9.1. Tadbir Urus
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
 - 9.2. Pengukuhan Integriti
Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
 - 9.3. Pengesahan dan Pengesahan
 - i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
 - ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
 - 9.4. Pengurusan Aduan
Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
 - 9.5. Pematuhan
Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
 - 9.6. Tatatertib
Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

10. Pelaksanaan fungsi-fungsi ini tidaklah akan dilepaskan untuk dikendalikan oleh Unit-Unit Integriti mana-mana agensi secara bersendirian sahaja. SPRM mempunyai peranan dan bertanggungjawab secara langsung untuk membantu dan menyelaras Unit-Unit Integriti ini dalam melaksanakan fungsi-fungsi berkenaan. Untuk itu, SPRM akan bertanggungjawab untuk menggubal dasar inisiatif penginstitusian yang efektif di Unit-Unit Integriti; menyelidik dan merancang pembangunan penginstitusian integriti yang kukuh; dan memastikan pelaksanaan pengurusan integriti di agensi-agensi awam dapat dijalankan dengan jayanya.

STRUKTUR

11. Struktur Unit Integriti yang ditubuhkan di agensi-agensi adalah ditetapkan dengan menggunakan struktur model A untuk agensi bertaraf risiko “Tinggi”, B untuk “Sederhana” dan C untuk “Rendah” berdasarkan kepada penarafan risiko yang dibuat oleh SPRM.

12. Perjawatan-perjawatan untuk setiap model adalah secara kaedah pindah butiran menggunakan jawatan sedia ada. Agensi-agensi diminta untuk menyusun semula fungsi-fungsi sedia ada yang sedang dilaksanakan melalui pelbagai bahagian, cawangan atau unit berpandukan model Unit Integriti ini.

13. Bagi model-model A dan B yang akan mempunyai pegawai-pegawai SPRM yang dipinjamkan, perjawatan mereka ini akan menggunakan perjawatan sedia ada di SPRM dan tidak akan mengambil atau pun menggunakan perjawatan milik agensi. Bagi Unit Integriti model A, minima jumlah perjawatan ialah 22 orang termasuk 2 orang pegawai SPRM yang dipinjamkan terdiri daripada bergred P54 sebagai Ketua Unit dan P44. Bagi Unit Integriti model B pula, minima jumlah perjawatan adalah 15 orang termasuk 1 pegawai SPRM yang dipinjamkan bergred P44. Ketua Unit ialah pegawai bergred 52 yang mempunyai kelayakan CelO. Bagi Unit Integriti model C pula, minima jumlah perjawatan adalah 7 orang. Ketua Unit ialah pegawai bergred 48 yang mempunyai kelayakan CelO. Tiada pegawai SPRM yang dipinjamkan untuk Unit Integriti model C.

PENARAFAN

14. Pendekatan yang diambil dalam menentukan penarafan ini adalah secara kaedah gabungan beberapa kriteria iaitu melalui pengiraan skor weightage perangkaan SPRM dan kriteria lain seperti amaun bajet pembangunan atau aset pembangunan dengan fokus kepada yang melebihi RM 1 bilion bagi tahun terkini serta kriteria tahap persepsi risiko rasuah adalah tinggi. Bagi Kementerian pula kriteria tambahan turut digabungkan di mana taraf risiko yang diberikan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan taraf risiko tertinggi agensi-agensi di bawahnya. Skor weightage perangkaan SPRM adalah berdasarkan kepada data-data maklumat yang diterima, kertas-kertas yang dibuka untuk menjalankan siasatan, perisikan dan pemeriksaan serta tangkapan dan tuduhan untuk tempoh dari tahun 2009 hingga 2012.

PENUTUP

15. Unit Integriti ini, yang menggunakan pendekatan menggabungkan pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di unit tersebut bersama-sama dengan pegawai-pegawai agensi berkenaan itu sendiri, diyakini dapat menghasilkan strategi pengurusan integriti yang mantap serta menepati keperluan dan kesesuaian tersendiri setiap agensi.

Disediakan oleh:

Norazlan Mohd. Razali
Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

6 Ogos 2013